

**TEKS UCAPAN
Y. BHG. DATUK**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN

PROGRAM PENGHAYATAN IT DAN

MOTIVASI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

DAN RENDAH NEGERI MELAKA 2003

11 APRIL 2003

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA

Y.A.B. DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN
RUSTAM
KETUA MENTERI MELAKA

Y. BHG. PROF. ISMAIL HASSAN
TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

Y. BHG. PROF. DR. AZHARI SALEH
TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN DAN
PERANCANGAN KORPORAT

Y. BERUSAHA EN. MOHD ISA MOHD DOM

PENGARAH PUSAT KOMPUTER MERANGKAP
PENGERUSI PROGRAM

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DAN DEKAN-DEKAN

PARA GURU DAN PELAJAR SERTA TUAN-TUAN
DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT
ILAHI KERANA DENGAN KURNIA DAN
INAYAHPNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA
HARI INI BAGI MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
PENGHAYATAN IT DAN MOTIVASI SEKOLAH
MENENGAH DAN RENDAH NEGERI MELAKA
2003.

BAGI PIHAK KUTKM, SAYA MENGAMBIL
KESEMPATAN INI MENGUCAPKAN RIBUAN
TERIMA KASIH KEPADA Y.A.B. DATUK SERI DI
ATAS KESUDIAN MELUANGKAN SEDIKIT MASA
BAGI MERASMIKAN MAJLIS PADA PETANG INI.

SYABAS DAN TAHNIAH JUGA SAYA UCAPKAN
KEPADA JAWATANKUASA PENGANJURKAN YANG
TELAH BERUSAHA MENJADIKAN PROGRAM INI
SATU KENYATAAN.

Y.A.B. DATUK SERI, TUAN-TUAN DAN PUAN-
PUAN SERTA PARA PELAJAR YANG SAYA
HORMATI SEKALIAN,

TUJUAN KUTKM MENGANJURKAN PROGRAM
SEUMPAMA INI ADALAH UNTUK MEMBANTU

PIHAK KERAJAAN NEGERI MEREALISASIKAN HASRAT DAN WAWASAN TAHUN ICT MELAKA 2003 YANG DILANCARKAN BARU-BARU INI.

SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENDIDIKAN TEKNIKAL YANG BERTAPAK DI BUMI MELAKA, SEWAJARNYA MENJADI TANGGUNGJAWAB KUTKM MENYUMBANGKAN ILMU DAN JUGA KEPAKARAN YANG ADA SEBAGAI OBLIGASI SOSIAL KEPADA MASYARAKAT NEGERI MELAKA.

DALAM HAL INI, LANGKAH KERAJAAN NEGERI MELANCARKAN TAHUN ICT MELAKA 2003 AKAN KAMI SOKONG MELALUI PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM SEBEGINI.

APATAH LAGI DALAM KEADAAN KERAJAAN KITA CUBA MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG BERPENGETAHUAN, IT MENJADI SATU ALAT YANG MUSTAHAK UNTUK DIKUASAI.

REVOLUSI TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG BERGERAK BEGITU PANTAS HARUS DIPELAJARI DAN DIAMALKAN SUPAYA NEGARA KITA TIDAK KETINGGALAN DI PERSAINGAN ANTARABANGSA.

KAMI DI KUTKM JUGA TIDAK MAHU JURANG DIGITAL DI ANTARA PENDUDUK MENJADI SATU PERSOALAN YANG DIBAHASKAN TETAPI TIADA TINDAKAN MENGATASINYA. JADI INILAH YANG INGIN KAMI SUMBANGKAN KEPADA RAKYAT MELAKA.

UNTUK MAKLUMAN Y.A.B DATUK SERI, PROGRAM PENGHAYATAN IT DAN MOTIVASI INI DIRANGKA KHAS BAGI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DAN RENDAH DENGAN MENSASARKAN PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN 4, TINGKATAN DUA DAN DARJAH LIMA.

SEBANYAK LIMA SIRI PROGRAM AKAN DIJALANKAN BERMULA PADA HARI INI DENGAN SETIAP PROGRAM DIJALANKAN SELAMA TIGA HARI DUA MALAM PADA SETIAP Hujung MINGGU.

DI SINI, PELAJAR-PELAJAR YANG TELAH MENDAFTARKAN DIRI AKAN DIBERIKAN PENGINAPAN SELAMA TEMPOH PROGRAM DAN BERPELUANG MENGIKUTI AKTIVITI-AKTIVITI

YANG TELAH DIATUR DENGAN GANGGUAN YANG MINIMUM, INSYAALLAH.

APA YANG MENARIKNYA ADALAH IANYA TIDAK HANYA MENUMPUKAN KEPADA PENDEDAHAN DALAM KEMAHIRAN IT SEMATA-MATA, TETAPI PELAJAR JUGA AKAN DIBERIKAN BIMBINGAN DAN MOTIVASI OLEH STAF KUTKM.

JADI, SAYA RASA AMAT BERBALOI BAGI PARA PELAJAR MEMBELANJAKAN SEDIKIT UNTUK PROGRAM SEBEGINI KERANA DI SAMPING MENDAPAT ILMU BARU, ANAK-ANAK JUGA DAPAT BELAJAR MENDISIPLINKAN DIRI MENGIKUTI AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DIRANGKA.

Y.A.B. DATUK SERI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

SESUAI DENGAN KONSEP PENUBUHAN KUTKM SEBAGAI SEBUAH "OPEN UNIVERSITY", MAKA KAMI DI KUTKM MERASAKAN BAHAWA ADALAH WAJAR MASYARAKAT DI NEGERI MELAKA KHUSUSNYA GOLONGAN PELAJAR DIBERIKAN PELUANG MENGGUNAKAN KEMUDAHAN DI SINI TANPA BANYAK HALANGAN.

SECARA TIDAK LANGSUNG, KAEDAH SEBEGINI MAMPU MEMBERIKAN PELUANG KEPADA PARA PELAJAR DAN ORANG RAMAI MENGENALI KUTKM DENGAN LEBIH DEKAT SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI KEILMUAN.

DIHARAPKAN MELALUI PROGRAM SEBEGINI AKAN DAPAT MEMOTIVASIKAN LAGI GENERASI PELAPIS KITA INI UNTUK MEMPUNYAI ASPIRASI UNTUK MENJADI MANUSIA YANG BERJAYA DI MASA HADAPAN.

AKHIR KATA, SAYA MENGHARAPKAN TEMPOH TIGA HARI DAN DUA MALAM YANG DIHABISKAN OLEH PARA PELAJAR DI SINI AKAN MEMBAWA FAEDAH YANG BESAR KEPADA ANAK-ANAK.

SEKIAN, WABILLAH TAUFIK WAL HIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WBKTH.